



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Bil. (19) dlm. IPK. SEL. SPBT
700-1/7/2
Rejab 1441H
21 Mac 2020

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan Badan – Badan Berkanun dan Anak – Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/YAD Dato' Setia/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/YBhg. Datin Paduka/Tuan/ Puan,

**KAWALAN TAMBAHAN KEPADA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERKAITAN PENULARAN WABAK COVID-19 PERINGKAT
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin Paduka/Tuan/Puan mengenai perkara di atas dan surat IPK.Sel.Pent.100-10/4/2 Jld.4 (9) bertarikh 17 Mac 2020 berkenaan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Berkaitan Penularan Wabak Covid-19 Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

2. Selaras dengan Mesyuarat Koordinasi 'Selangor Gempur COVID-19' yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor bersama-sama Datuk Bandar/ Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pegawai-Pegawai Daerah Negeri Selangor pada 20 Mac 2020, Kerajaan Negeri telah memutuskan beberapa kawalan tambahan kepada skop perkhidmatan bagi Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Berkaitan Penularan Wabak Covid-19 Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor seperti di **LAMPIRAN A**.

KAWALAN TAMBAHAN KEPADA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKAITAN PENULARAN WABAK COVID-19 PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Segala kerjasama YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin Paduka/Tuan/Puan bagi memastikan penularan wabak ini dapat dibendung adalah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)
D.P.M.S, B.C.M, B.K.T, P.J.K.

LAMPIRAN A

KAWALAN TAMBAHAN KEPADA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKAITAN PENULARAN WABAK COVID-19 PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

| BIL | PERKHIDMATAN | KOMPONEN | STATUS OPERASI | CATATAN |
|--|--|--|---|---|
| 1. | BAHAN API DAN PELINCIR | 1. STESEN MINYAK | DIBENARKAN | KEDAI SERBANEKA HENDAKLAH DIHADKAN SEHINGGA JAM 12 TENGAH MALAM SAHAJA |
| | | 2. PENGELUARAN/ PENAPISAN/ PENYIMPANAN/ PEMBEKAL/ PENGEDARAN | DIBENARKAN | |
| | | 3. PENTADBIRAN AM/ LAIN-LAIN | DIBENARKAN BEROPERASI PADA KADAR MINIMA/ BEKERJA DARI RUMAH | |
| 2. | PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN MAKANAN i. RESTORAN / WARUNG | 1. PEMBEKALAN BAHAN MENTAH | DIBENARKAN | 6:00 PAGI SEHINGGA 12:00 TENGAH MALAM SAHAJA |
| | | 2. PEMBUNGKUSAN (TAKE AWAY) | DIBENARKAN | |
| | | 3. PENGHANTARAN (DELIVERY) | DIBENARKAN | |
| | | 4. PANDU LALU | DIBENARKAN | |
| | ii. RESTORAN DALAM HOTEL | 5. DINE IN | TIDAK DIBENARKAN | |
| iii. PENJAJA KECIL/ FOOD TRUCK/ FOOD COURT | TIDAK DIBENARKAN | | | |
| 3. | PERUNCITAN | 1. PASARAYA | DIBENARKAN UNTUK BAHAGIAN PERUNCITAN (GROCERIES) DAN MAKANAN SAHAJA SEHINGGA 12:00 TENGAH MALAM | 1. PENGHANTARAN (DELIVERY) DIBENARKAN 2. BILANGAN PEMBELI (SETIAP KELUARGA) PERLU DIHADKAN |
| | | 2. KEDAI RUNCIT/ SERBANEKA | DIBENARKAN SEHINGGA 12:00 TENGAH MALAM | |
| | | 3. PASAR AWAM/ PASAR BORONG | DIBENARKAN DARI JAM 5:00 PAGI SEHINGGA 4:00 PETANG | |
| | | 4. PASAR MALAM/ PASAR TANI | TIDAK DIBENARKAN | |
| 4. | PEMBAIKAN KENDERAAN | 1. PERKHIDMATAN PEMBAIKAN, KEDAI ALAT GANTI | DIBENARKAN 9:00 PAGI SEHINGGA 4:00 PETANG | |
| | | 2. TOWING SERVICE | DIBENARKAN | |
| 5. | CUCIAN | 1. DOBI/ DOBI LAYAN DIRI | TIDAK DIBENARKAN | |
| | | 2. PUSAT CUCIAN KERETA/ MOTOSIKAL | | |

